

Headline	SSTMI Thunderbolt merendah diri		
MediaTitle	Kosmo		
Date	19 Feb 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	60	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	NOR AZIRAN YUNUS	AdValue	MYR 1,217
Frequency	Daily	PR Value	MYR 3,652



SSTMI-Thunderbolt merendah diri

NOR AZIRAN YUNUS

UNDIAN suku akhir Liga Hoki Remaja Kebangsaan (MJHL) 2013 (Piala Milo) tidak menjanjikan laluan mudah buat lapan pasukan yang bertanding.

Juara bertahan yang juga juara Divisyen Satu, Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI-Thunderbolt) telah diundi bertemu juara Divisyen Dua, Sekolah Sukan Kuala Lumpur (SSKL).

Pengurus SSTMI-Thunderbolt, Adam Izamry berkata, walaupun tampil selaku pasukan pilihan serta juara bertahan, namun mereka sesekali tidak memandang mudah cabaran yang bakal diberikan

oleh SSKL.

"Kami tetap menghormati SSKL selaku juara Divisyen Dua dan saya pasti mengingatkan pemain-pemain saya untuk bersedia sepenuhnya untuk kedua-dua aksi suku akhir itu.

"Kami akan fokus kepada perlawanan suku akhir ini terlebih dahulu sebelum memikirkan laluan seterusnya.

"Saya menyedari selaku juara bertahan sudah pasti semua pasukan ingin mengalahkan kami," jelas Adam semalam.

Dalam undian semalam, selain pasukan SSTMI-Thunderbolt yang akan bertemu SSKL, naib juara Divisyen Satu, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pula diundi berdepan Remaja SSTMI.

Universiti Kuala Lumpur (UniKL Young Guns) pula bakal membuat perhitungan dengan Sekolah Tinggi Melaka dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI-Anderson) akan bertemu naib juara Divisyen Dua, Persatuan Hoki Kelantan-Majlis Sukan Sekolah-sekolah (PHK-MSS Kelantan).

Pengurus SSKL, Zainal Arifin Abdullah berkata, beliau sedar undian kali ini tidak memihak kepada mereka kerana diundi bertemu sebuah pasukan 'gergasi'.

"Namun, dalam sukan hoki tiada yang mustahil dan kami akan menampilkan aksi penuh bertenaga dalam kedua-dua perlawanan itu nanti bagi memastikan perjalanan kami tidak terkandas pada su-

ku akhir sahaja.

"Saya yakin pemain-pemain saya pasti bertambah bersemangat bagi aksi suku akhir ini," katanya lagi.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), M. Gobinathan berkata, tarikh tutup bagi pendaftaran pemain untuk Liga Hoki Kebangsaan (MHL) 2013 adalah pada 15 Mac depan.

"Semua pasukan terlebih dahulu perlu menghantar senarai 19 pemain tempatan pada 2 Mac dan jika ada pasukan yang ingin mendaftar pemain-pemain import, mereka perlu menghantar senarai penuh 25 pemain selewat-lewatnya pada 15 Mac," katanya.